

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

1982

KUALA LUMPUR, 13 JULAI (BERNAMA)--DASAR-DASAR DAN STRATEGI-STRATEGI KERAJAAN UNTUK BERJIMAT JIMAT SEPERTI YANG DILAKSANAKAN SEKARANG INI, AKAN DITERUSKAN HINGGA TAHUN DEPAN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA INI IALAH KERANA KERAJAAN PERCAYA BAHAWA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA SEKARANG TIDAK AKAN PULIH SEHINGGA PENGHUJUNG 1983 ATAU AWAL 1984.

KERANA ITU BELIAU MAHUKAN RAKYAT JANGAN MEMANDANG RINGAN MASALAH INI MALAH SEBALIKNYA MEREKA MESTI SANGSUP 'MENGIKAT PERUT' SERTA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN DAN KECEKAPAN.

BERCAKAP DALAM RANCANGAN TV, 'EHWAL SEMASA', MALAM INI BELIAU YAKIN RAKYAT TIDAK AKAN MENDERITA LEBIH BERAT DARIPADA YANG DIALAMI SEKARANG DENGAN SYARAT MEREKA MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DENGAN MENGENEPIKAN KEINGINAN UNTUK HIDUP MEWAH DALAM KEADAAN EKONOMI NEGARA MEROSOT. --LAGI 1720/MD

B593

MAHATHIR-STRATEGI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI, SUDAH PUN MENGATUR RANCANGAN YANG TERTIB DAN DASAR-DASAR TERTENTU BAGI MENGURANGKAN KESAN BURUK TERHADAP NEGARA INI JIKA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA BERTERUSAN.

KEADAAN SEDEMIKIAN SUDAH PASTI AKAN MENJEJAS KUTIPAN CUKAI DAN HASIL OLEH KERAJAAN DISAMPINGKEMAMPUANNYA MEMBIAYAI BELANJA PENGURUSAN DAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

DALAM HUBUNGAN INI, BAGI ENAM BULAN DARI JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN INI, KERAJAAN TELAH PUN MENGURANGKAN \$4,000 JUTA DARI BELANJAWAN SEKARANG IAITU \$2,800 BELANJA PEMBANGUNAN DAN \$1,200 BELANJA PENGURUSAN.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN TIDAK BANYAK PROJEK DITANGGUHKAN PELAKSANAANNYA TAHUN INI KERANA PENANGGUHANNYA TIDAK AKAN MENINGGALKAN KESAN BURUK TERHADAP MASYARAKAT.

BAGI TAHUN INI HANYA PROJEK-PROJEK YANG BELUM LAGI DILAKSANAKAN ATAU KONTRAKNYA BELUM DITANDATANGANI DILEWATKAN PELAKSANAANNYA KERANA PEMBATALAN PROJEK YANG TELAH DITANDATANGANI KONTRAKNYA AKAN MENYEBABKAN KERAJAAN TERPAKSA MEMBAYAR GANTIRUGI. --LAGI 1724/MD

B594

MAHATHIR - STRATEGI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BAGI TAHUN DEPAN PULA, MEMANDANG TERDAPAT LEBIH MASA UNTUK MEMBUAT PERTIMBANGAN, KERAJAAN AKAN MENENTUKAN SESUATU PROJEK ITU BERDASARKAN BERBAGAI KRITERIA TERMASUK ASPEK KESAN SOSIALNYA.

DALAM HUBUNGAN INI, PROJEK-PROJEK YANG MEMPUNYAI KESAN BESAR KEPADA MASYARAKAT, UMPAMANYA PERUMAHAN, TIDAK BOLEH DIKURANGKAN DENGAN MUDAH, KATANYA.

DALAM SOAL PEMBATALAN ATAU PENANGGUHAN PROJEK PERDANA MENTERI BERKATA SOAL PROJEK-PROJEK MEWAH ATAU PROJEK YANG BERUNSUR DEMIKIAN DILAKSANAKAN.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR KEBANYAKAN DARIPADA PROJEK-PROJEK YANG DILAKSANAKAN MENINGGALKAN KESAN BAIK UNTUK PEMBANGUNAN MASYARAKAT.

PERDANA MENTERI JUGA YAKIN PEMOTONGAN PERUNTUKAN BAGI PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI TIDAK AKAN MENJEJASKAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU KERANA SEKTOR SWASTA SENDIRI TELAH PUN MEMAINKAN PERANAN YANG SEMAKIN BESAR DALAM HAL TERSEBUT. --BERNAMA 1727/MD